

**KONSEP KOMUNIKASI DAN KEPENGARANGAN MUHAMMAD HAJI  
SALLEH BERASASKAN MODEL TEKSNALURI  
*THE CONCEPT OF COMMUNICATION AND AUTHORSHIP OF  
MUHAMMAD HAJI SALLEH BASED ON TEKSNALURI MODEL***

*Ghazali Din\**, *Abdul Halim Ali*  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjung Malim, Perak, Malaysia.  
\*ghazali@fbk.upsi.edu.my

*Mohd Azam Sulong*  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjung Malim, Perak, Malaysia.  
azamdungun@fmsp.upsi.edu.my

**ABSTRAK**

Seorang penyair menghantar mesejnya melalui puisi. Puisi mempunyai kekuatan dari aspek bahasanya yang mencerminkan perasaan seorang pengarang. Puisi yang bersifat komunikatif berkomunikasi dengan pembaca melalui perasaan pengarangnya yang diterapkan ke atas teks sehingga mempengaruhi perasaan pembaca. Kajian ini akan menyentuh tentang kepengarangan dan proses kreatif berlandaskan naluri seorang pengarang (penyair). Konsep Teksnaluri dikemukakan untuk memperlihatkan hubungkait antara naluri. Teksnaluri adalah pembuktian bahawa sesebuah puisi yang dihasilkan mempunyai sifatsifat kejiwaan bagi memberi kesan mendalam kepada emosi pembaca. Kajian ini akan menggunakan pendekatan deksriptif dan kaedah kualitatif untuk mengkaji puisi-

puisi karya Muhammad Haji Salleh dalam 10 kumpulan puisinya secara kepustakaan. Puisi-puisinya dikaji dari aspek sejauh manakah naluri pengarang menjadi landasan komunikasi antara pengarang, teks dan pembaca dalam memahami makna teks puisi. Teksnaluri adalah cetusan gagasan baharu yang kemukakan pengkaji bagi menambah ilmu berkaitan kepengarangan, psikologi serta pertaliannya dengan proses kreatif seseorang pengarang kreatif. Selain ilmu dan pengalaman sebagai faktor yang membina kredibiliti seseorang pengarang, pengaruh naluri dalam penciptaan puisi adalah aspek yang mengukuhkan kredibiliti sesebuah karya kreatif. Kajian ini akan menambah khazanah gagasan yang berkaitan aspek kepengarangan yang memanfaatkan kekuatan bahasa dalam menentukan ruang lingkup pengkaryaan yang menyangkuti pelbagai persoalan kehidupan yang dilalui seorang pengarang. Setiap manusia termasuk pengarang memiliki naluri sebagai fitrah hingga mempengaruhi jiwa dan pemikiran pembaca yang diungkapkan secara estetik melalui bahasa yang digunakannya. Sifat mementingkan komunikatif akan mendorong pengarang menghasilkan puisi yang mempunyai ciri-ciri Teksnaluri. Kata Kunci: Komunikasi. Kekuatan bahasa, Kepengarangan, Teksnaluri

### **ABSTRACT**

*A poet sent his message through poetry. Poetry has the power of the language which reflects the feelings of the author. Poems that are communicative communication with readers through the author's feelings are applied to the text that can influence the reader's feeling. This study will touch on authorship and creative process based on the instinct of an author (poet). Teksnaluri concept was presented to show the relationship between instincts. Teksnaluri is a proof that a poem that is produced has the properties of a psychiatric profound impact on the reader's emotions. This study will use a descriptive approach and qualitative methods to study the poetry of Muhammad Haji Salleh in 10 groups*

*of the poem in a library study. His poems are studied in terms of the extent of the author's instincts as a platform of communication between author, text and reader in understanding the meaning of the text of the poem. Teks naluri is an explosion of new ideas that furnish researchers to gain knowledge related to authorship, psychology and relationship to the creative process of a creative writer. In addition to knowledge and experience as factors that build the credibility of an author, the influence of instinct in the creation of poetry is the aspect that reinforces the credibility of the creative work. This study will add to the treasure of ideas related aspects of authorship that harnesses the power of language in determining the scope of the employment which involves various problems of life of an author. Each person, including the author's own instincts can affect the nature of the soul and mind of the reader aesthetic expressed through the language they use. Communicative elements will lead the authors to produce poetry that contains characteristics of Teks naluri.*

*Keywords: communicative. Language strength, authorship, instinct*

## **PENGENALAN**

Sebuah karya kreatif puisi novel, cerpen dan drama terhasil daripada daya imaginatif pengarangnya. Pengarang kreatif terlibat secara langsung dengan proses kreatif yang relatif dengan keinginan dalaman dan emosi pengarang. Pengarang atau penyair memiliki emosi atau perasaan yang diterjemahkan ke dalam teks untuk pembaca. Mesej yang disampaikan pengarang mempunyai hubungan bukan sahaja dipengaruhi pemikiran bawah sedar atau separa sedar, tetapi juga dipengaruhi oleh keinginan-keinginan dan perasaan yang hadir separa sedar. Puisi adalah alat komunikasi yang digunakan oleh penyair untuk bersuara. Dalam proses kepengarangan, teks terhasil bukan sahaja oleh cetusan idea (pemikiran) tetapi terkesan daripada naluri pengarang hingga mencetuskan idea untuk berkarya. Dalam konteks komunikasi, pengarang berkarya bertujuan karyanya dibaca, difahami dan

difikirkan segala lontaran mesejnya. Malah, pembaca ingin mendapat sesuatu hasil daripada pembacaannya.

Karya yang bersifat komunikatif dapat mempengaruhi emosi pembaca dan memberi kesan psikologi. Kajian tentang puisi-puisi Muhammad Haji Salleh (MHS) ini ditinjau dari aspek Teori Teksdealisme dan Model Komunikasi David K. Berlo. Pengarang adalah pusat kreativiti dalam proses kepengarangannya mendapatkan idea/ilham dan menggubah idea sehingga terbina sebuah teks. Proses komunikasi perlu dilalui oleh pengarang untuk menghubungkan teks dengan pembaca (khalayak).

Emosi penyair adalah keingin-keinginan hati untuk berkomunikasi dengan pembaca melalui teks (puisi) sebagai saluran penyampaian mesej penyair. Mesej adalah elemen dalam komunikasi teks dengan khalayak yang penting daripada sumber (penyair) kepada penerima (khalayak). Teks (puisi) terhasil daripada proses kreatif meliputi pengalaman pengarang.

Kebolehan pengarang menggubah idea dan mengarang sehingga terhasil karya kesusasteraan menimbulkan banyak persoalan pembaca. Bagaimana pengarang mencari ilham, mengolah dan kemudiannya menulis sehingga tulisannya memikat hati pembaca. Karya seorang pengarang kreatif yang menarik hati pembaca adalah karya yang difahami dan dapat berinteraksi dengan pembaca.

Pengarang yang berjaya meraih pelbagai anugerah berprestij kebanyakannya mempunyai keupayaan memanfaatkan proses kreatif dan pengalaman-pengalaman kreatif sepanjang kehidupannya untuk dikongsi bersama masyarakat. Di antara proses komunikasi itu, berlaku hubungan emosi hingga sesebuah karya memberi kesan mendalam terhadap pemikiran dan jiwa pembaca. Daripada proses komunikasi penyair itulah menjelmakan teks yang memiliki nilai-nilai keindahan, berjiwa, ekspresif melalui pelbagai gaya bahasa sebagai jambatan menyuarakan segala apa yang ingin disampaikannya. Gaya bahasa yang diterapkan emosi ke dalam teks lebih berkesan dan memberi impak komunikasi antara teks dengan khalayak pembaca.

Terdapat karya-karya sastra seperti novel, cerpen dan puisi yang terhasil daripada naluri pengarang yang diterapkan ke dalam karya. Karya yang dianggap kuat boleh meresap masuk dalam hati nurani pembaca hingga menimbulkan perasaan bahagia, suka, sedih, kecewa, marah, terharu dan pelbagai jenis perasaan.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Isu ketidakfahaman pembaca terhadap teks bukan persoalan baharu. Dalam dunia kesusasteraan terdapat pelbagai aliran dan anutan pendekatan dalam penghasilan karya. Pengarang sentiasa berusaha menghasilkan karya yang pada pandangan mereka perlu mencapai tahap keunggulan. Puisi digunakan sebagai medium penyampaian mesej oleh pengarang untuk masyarakat sebagai elemen mendidik, menasihati dan menyedarkan serta menterjemahkan pemikiran pengarang terhadap isu-isu semasa.

Namun, pengarang juga membuat percubaan-percubaan dalam penggunaan diksi metafora, dan pelbagai aspek struktur bagi menghasilkan perbezaan dengan pengarang lain atau menampakkkan pembaharuan. Justeru, muncullah karya-karya berbentuk surreal, absurd dan yang sukar pembaca menanggapi maksud karya atau makna teks. Sebahagian pengarang beranggapan karya yang baik perlu digarap dengan gaya bahasa yang sukar difahami, bersifat terlalu peribadi dan sukar dijangkau oleh khalayak.

Sebaliknya, sebuah karya (puisi) yang baik, seharusnya disampaikan secara kreatif, berseni dan puitis dalam situasi berlaku proses komunikasi antara pengarang dengan teks, juga antara teks dengan pembaca. Pengarang juga perlu berkomunikasi dengan manusia lain, berkomunikasi dengan alam, berkomunikasi dengan Al-Khaliq (Yang Maha Pencipta) dan berkomunikasi dengan segala bentuk yang terdapat di ruang persekitaran kehidupannya untuk menzahirkan mesej dalam teks. Walaupun pengarang meletakkan tanda dan lambang dalam puisinya, ia tidak bermasalah sekiranya pengarang memikirkan aspek komunikatif ketika proses kreatif berlaku.

Bagi penyair Muslim pula, proses kreatif atau kreativitasnya dalam kesusasteraan perlu dilihat sebagai sebahagian daripada ibadah. Persoalannya, hubungan atau interaksi antara pengarang dan pembaca melalui karya yang dihasilkannya perlu terjadi, supaya proses kepengarangan mencapai tahap keunggulan. Penyair perlu menjadi penghubung meskipun mementingkan imaginasi dalam penciptaan karya mereka.

Mana Sikana (2005:35) menjelaskan bahawa karya Islam menggambarkan hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesama manusia. Justeru, hubungan tidak akan berlaku seandainya sesebuah karya itu sukar ditafsir dan difahami (tidak komunikatif). Ini tidak bererti sesebuah karya tidak perlu wujud segala perlambangan, tetapi perlambangan tersebut seharusnya wujud dalam konteks estetikanya.

Dalam kajian ini, ia akan dibuktikan bahawa puisi yang dihasilkan perlu bersifat komunikatif melalui naluri pengarang, dan teks itu sendiri berhasil menjelmakan emosi yang mempengaruhi pembaca untuk menghayati teks. Puisi-puisi yang komunikatif akan meninggalkan kesan emosi yang mendalam hingga sesebuah karya diingati serta akan muncul sebagai karya kanon, unggul, magnum opus dan karya agung seseorang pengarang itu.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Membuktikan wujudnya perkaitan komunikasi dengan kepengarangan dalam penghasilan puisi.
2. Membuktikan bahawa karya yang komunikatif wujud daripada pengaruh naluri pengarang dan mempengaruhi emosi pembaca.
3. Membuktikan karya yang unggul perlu bersifat komunikatif dan estetik.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah sebuah kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan (content analysis).

Data utama kajian ialah beberapa buah sajak terpilih Sasterawan Negara Profesor Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh.

Data-data utama dan sekunder dianalisis secara deskriptif berpandukan kerangka Model Komunikasi Berlo (David K. Berlo, 1960) dan teori Teksdealisme oleh Mana Sikana. (2004) Model Komunikasi Berlo menyebut bahawa terdapat hubungan makna/mesej dengan menggunakan konteks. David K. Berlo yang dilahirkan pada tahun 1929 adalah mahasiswa terawal program Doktor Komunikasi. Berlo memperkenalkan model komunikasi menerusi bukunya *The Process of Communication* (1960) yang ini memusatkan perhatian pada proses komunikasi. Beliau mengemukakan model komunikasi SMCR; Source-Message-Channel-Receiver (Sumber/Pengirim, Mesej, Saluran, Penerima). Berlo adalah mahasiswa program doktor falsafah yang di bawah Wilbur Schramm di Michigan University, Illinois pada tahun 1953. S R C M SOURCE Ketrampilan Sikap Pengetahuan Sistem sosial Budaya MESSAGE Unsur-unsur Isi Perlakuan Struktur Kode CHANNEL Melihat Mendengar Menyentuh Membau Merasai RECEIVER Ketrampilan Sikap Pengetahuan Sistem sosial Budaya

Teori Teksdealisme yang dikemukakan oleh Mana Sikana iaitu kajian cita-cita pengarang dalam membina keunggulan. Dalam hal ini, teksdealisme percaya, cita-citanya paling murni dalam diri pengarang ialah teks dan diri berjaya mendapat tahap tertinggi (unggul) mengikut konteks penerimaan pembaca dan pengkritik pada sesuatu masa. Dalam pengkaryaan, cita-cita menjadi faktor yang mendorong kemahuan atau merencat minat pengarang. Kepengarangan pula adalah proses kreatif yang panjang, unik, misteri dan kompleks. Dengan demikian, perjalanan pengarang dalam proses tersebut adalah satu pengalaman peribadi yang sarat dengan cita-cita dan menempuhi tahap-tahap pengalaman yang tidak sama. Teori Teksdealisme melihat, cita-cita menuju ke tahap unggul menjadi runtunan kebanyakan pengarang. Dalam perjalanan menuju ke tahap ini, pengarang akan melalui empat peringkat iaitu peringkat kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualiti.

Bagi mengenal pasti proses perjalanan menuju ke tahap yang lebih baik dalam karier kepengarangan, maka pengkaji harus meneliti setiap aktiviti yang berlaku dalam empat tahap itu tadi. Mencari singnifikasi keunggulan pengarang dan teks bererti seharusnya berupaya membuktikan pada setiap peringkat itu sesuatu yang sangat istimewa, signifikan dan luar biasa yang akan dilakukan oleh seseorang pengarang itu supaya dapat menghasilkan karya yang unggul. Aspek-aspek yang diakui istimewa dan mempunyai nilai signifikan inilah yang menjadi penanda aras bagi mengesahkan bahawa seseorang pengarang atau sesebuah teks itu benarbenar berada dalam proses menuju keunggulan. Pendekatan Keunggulan memerlukan pengkritik memeriksa bukan sahaja teks yang dikaji tetapi juga pengarangnya juga.

Aspek-aspek kontekstual sangatlah penting di samping biografi pengarang yang sangat penting bagi mengukur dan mempertimbangkan gerakan dalaman dan luaran yang dilakukan atau berlaku menuju tahap keunggulan. Terdapat empat prinsip dalam Teksdealisme iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualiti. Empat prinsip ini menjadi mata rantai yang mendokong prinsip keunggulan, sama ada keuggulan teks mahupun keunggulan pengarang. Setiap prinsip teori menuntut pengkaji mempersoalkan setiap tahap pengembangan idea teks bagi tujuan mendapatkan bukti-bukti yang akan membenarkan signifikasi menuju keunggulan. Umpamanya, pada prinsip pelanggaran, pengkaji perlu menyelongkari peringkat ini sekurang-kurangnya dengan tiga persoalan utama iaitu apakah yang dilanggari oleh pengarang, mengapa pelanggaran dilakukan serta apakah kesan pelanggaran itu kepada kepengarangan pengarang dan teksnya.

Selain daripada mempersoalkan idea-idea yang tergalur dalam teks, pengkaji juga melandasi kajiannya kepada dua aspek penting yang menjadi tunjang teksdealisme, iaitu, keberanian. Keberanianlah yang mendorong pengarang melakukan sesuatu yang baharu, futuristik, bertentangan dan mungkin menimbulkan kontroversi. Tujuan akhir teori ini ialah memberi pengiktirafan kepada pengarang dan teksnya pada kedudukan yang ideal dan unggul dalam sejarah kepengarangan, di mana pengarang dan teks

itu hadir menerusi pemeriksaan yang kritis terhadap proses kepengarangan seseorang pengarang. Dengan demikian sifatnya, teori teksdealisme dalam praktis kajiannya, sangat bergantung kepada aspek biografi dan pengalaman pengarang. Sumber Data Utama Kajian ialah puisi Muhammad Hj Salleh dari peringkat awal hingga mutakhir. Sumber Data Kedua ialah daripada artikel-artikel dalam jurnal, buku-buku kajian, majalah, akhbar dan lain-lain.

### **Kerangka Model**

Kerangka teori kajian ini adalah bersifat Gabungan Model Komunikasi Berlo dan Teori Teksdealisme, yang mewujudkan Konsep Teksnaluri. Dengan itu Konsep Teksnaluri akan menjadi landasan kajian bagi menilai dan menganalisis puisi karya Muhammad Haji Salleh. Perlu ditegaskan bahawa Karya yang terhasil daripada naluri pengarang lahir dari sentuhan jiwa dan perasaan sama ada secara sedar atau bawah sedar.

### **DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan kajian ini, terdapat dapatan-dapatan yang dianggap penting tentang kepengarangan Muhammad Haji Salleh khasnya menyentuh hal-hal proses komunikasi dan kepengarangan dalam penciptaan karyanya. Hasil daripada penelitian, didapati Muhammad Haji Salleh seorang pengarang atau penyair dan komunikator yang secara kreatif menggunakan puisi sebagai medium penyampaian mesejnya. Muhammad Haji Salleh menghabiskan sebahagian besar daripada tempoh hidupnya sehingga ke hari ini dengan menjelajah, mengunjungi, melawat serta mengembara dari sebuah negara ke sebuah negara. Muhammad Haji Salleh sanggup mengharungi perjalanan jauh beribu batu menjelajah kehidupan beberapa negara untuk mengumpul maklumat supaya dapat disampaikan melalui puisipuisinya. Kepengarangan dan proses kreatif yang dapat dikesan daripada kajian ini, memperlihatkan bahawa Muhammad Haji Salleh kental sebagai pengarang yang bersemangat

bertanggungjawab terhadap khazanah kesusasteraan Melayu. Prinsip kehadiran, pelanggaran, keberanian dan pengukuhan hingga mewirai prinsip seperti yang digagaskan Mana Sikana benar-benar diterapkan Muhammad Haji Salleh dalam kepengarangannya. Kemujuran oleh peluang mencari ilmu dengan pengembaraan yang mendarahdaging hingga ke hari ini, membuatkan idea mengarangnya belum terhenti. Allah SWT yang bersifat Maha Pencipta, meminjamkan sifat penciptaan itu untuk pengarang mencipta karya dan Muhammad Haji Salleh bebnar-benar memanfaatkan demi pembangunan dunia kesusasteraan. Sifat sukakan keindahan Allah SWT, dipinjamkan-Nya kepada pengarang untuk menyintai keindahan dalam berkarya.

Sifat semulajadi dan fitrah lahir bersama manusia termasuk pengarang. Naluri seorang pengarang tetap utuh ingin orang lain memahami makna teksnya kerana pengarang bersifat penyampai. Segala pemikiran pengarang termasuk Muhammad Haji Salleh ingin menyampaikan isi hati dan buah fikirannya sama ada melalui lisan atau tulisan. Naluri dalam teks wujud secara tidak sedar, dan Teks naluri sesebuah karya sebenarnya wujud lebih dahulu dalam diri seorang pengarang sebelum kewujudan teks. Naluri dan perasaan menggerakkan pengarang untuk mengerah akal fikirannya sama berfikir hingga ke paras intelektual atau non-intelektual. Muhammad Haji Salleh memilih intelektual sebagai landasan pemikirannya kerana enggan merendahkan nilai dan martabat bangsanya. Setiap sajak yang diciptakan penyair, bukan sahaja lahir dari gagasan pemikirannya, tetapi berlegar di bawah sedar (naluri) dan ini tidak boleh dinafikan kerana kebanyakan tafsiran diberikan kepada sajak adalah penglahiran atau pengucapan dari perasaan pengarang. Hal ini kerana, secara fitrah manusia memiliki perasaan atau kehidupannya berlandaskan naluri dan perasaan sejak dilahirkan. Allah SWT menganugerahkan akal untuk manusia (penyair) berfikir dan proses ini berlaku selepas manusia (penyair) menimba ilmu dan melakar pengalaman hidupnya. Akan tetapi, naluri dan perasaan muncul tatkala manusia dilahirkan ke dunia. Tangisan, sedu-sedan atau senyuman pada zaman bayi dan kanak-kanak adalah dipengaruhi oleh unsur perasaan dan naluri atau

keinginan dirinya. Ini semua terjadi kerana Allah SWT mengurniakan segumpal daging (hati) yang menentukan baik atau tidak baik dirinya. Imam Al-Bukhari meriwayatkan:

“Ketahuilah! Sesungguhnya di dalam jasad manusia terdapat segumpal daging. Jika baik segumpal daging itu, akan baiklah jasad keseluruhannya dan jika ia rosak, akan rosaklah jasad keseluruhannya. Ketahuilah! Segumpal daging yang aku maksudkan itu ialah hati.”

Dalam kepengarangan dan proses penciptaan karya atau proses kreatif seorang pengarang, hakikatnya dipengaruhi oleh hati (naluri) dan pemikiran digunakan untuk mengolah semula segala suara dalaman atau desakan hati seorang pengarang.

## **DAPATAN KAJIAN**

Daripada kajian ini ditemui beberapa puisi Muhammad Haji Salleh yang bersifat komunikatif meskipun tidak dikuasai perasaan dalam pengkaryaan. Puisi-puisinya terhasil berlandaskan pemikiran dan intelektual meniti kesukaran untuk menjentik dan menyentuh perasaan pembaca (khalayak). Ini diakui berkali-kali oleh Muhammad Haji Salleh yang mempertahankan prinsip kepengarangan yang enggan ditewaskan emosi dalam berkarya. Namun, Muhammad Haji Salleh mengakui bahawa naluri seorang pengarang dalam penghasilan tetap dipengaruhi oleh perasaan sebelum sesebuah karya dicipta. Kajian ini mendapati pengaruh perasaan mempunyai hubungkait dengan naluri kepengarangan yang bergerak daripada perasaan seorang manusia. Dalam penelitian pengkaji masih terdapat puisi Muhammad Haji Salleh yang memberi kesan kepada emosi pembaca dan berjaya mengangkat namanya sehingga ke hari ini. Puisi ‘Pulang Si Tenggang’ memberi sentuhan jiwa tersendiri dan memiliki kejiwaan (soul) dan dianggap antara paling terbaik Muhammad Haji Salleh. Sajak ini melekat di hati pengkaji, sarjana dan pembaca yang

mengikuti perjalanan kreatif Muhammad haji Salleh. Dalam puisinya `Pulang Si Tenggang (buat Baha Zain)':

i

Jarak jasmani yang kutempuh ini  
adalah perjalanan jiwa  
pemindahan diri dari tanah asal  
ke negeri yang dikumpul oleh matadan akal  
ilmu yang kukutip darinya  
adalah ilmu pendarang  
yang belajar melihat, berfikir  
dan memilih dari antara kenyataan  
yang selalu berubah wajah.

ii

Benar, aku pernah berlaga suara  
dengan ibu atau nenekku  
tetapi hanya setelah berkali memerikan rumit keadaan  
yang tidak mereka fahami  
isteri yang mula aku cintai di laut kesepian  
disempadan yang mengasingkan  
mereka bawa ke prasangka  
aku tidak pulang sepenuhnya,  
aku tahu setelah dirubah waktu dan persekitaran  
dikasarkan oleh kepayahan, dianehkan oleh perpisahan.

iii

tapi lihat  
aku mengangkut diriku pulang  
setelah diperbesarkan oleh rasa percaya  
dilebarkan oleh tanah dan bahasa-bahasa  
aku tidak lagi takut pada lautan  
atau manusia lain cara  
tidak mudah disesatkan  
oleh bicara atau gagasan  
perjalanan tegak sebagai guru di geladak

ang tidak enggan memaknakan  
kebudayaan atau kelainan  
lihat, aku sepertikau juga  
masih Melayu  
peka pada apa  
yang aku percaya  
dan lebih sedia memahami  
daripada adik atau abangku  
muatan kapal ini juga buatmu  
kerana aku pulang.

iv

perjalanan menjadikan kupemilih  
pencari yang sering tidak menerima  
daripada tangan yang tidak jujur  
atau yang mengungkit bayaran dari peribadi  
setelah tahun-tahun di lautan  
aku belajar memilih beza  
menerima hanya  
yang teruji bandingan  
atau seciap dengan bijak bijak datukku  
yang membawa kupulang  
ke kampung dan kesempurnaannya.

v

aku sudah belajar  
jadi kurang ajar  
memeluk kenyataan dengan logika baharu  
berdebat dengan hujah  
pejal dan nyaring, tapi juga  
menghulur santun, menghargai  
manusia dan kehidupan.

vi

aku bukan manusia baharu  
tidak terlalu

berlainan daripadamu  
hanya penghuni dan kota  
di  
pantai-pantai pelabuhan  
menuntut bahawa aku tidak  
bermenung di depan keasingan  
rusuh diserang kepayahan  
atau gerun kepada kemungkinan.

Aku adalah kau  
yang dibebaskan pagar kampung  
tanah dan istiadat  
merdeka, kerana  
aku telah menemui diri.

Dalam puisi ini, tahap komunikatifnya tinggi kerana pembaca dapat merasakan apa yang ingin disampaikan oleh Muhammad Haji Salleh. Naluri Muhammad Haji Salleh ingin menceritakan kepeluangannya bukan sebagai “Si Tenggang” seperti dalam lagenda, sebaliknya yang mencerminkan satu kepelangan bermakna terpancar pada puisinya. Ketujuh-tujuh elemen Teksnaluri iaitu Naluri Kerohanian, Naluri Kemanusiaan, Naluri Kemasyarakatan, Naluri Keindividualan, Naluri Keintelektualan, Naluri Kealaman dan Naluri Keindahan wujud dalam kebanyakan sajak ini. Sajak ini menjadi jantung kepada ribuan sajak Muhammad Haji Salleh yang mencorakkan dirinya dan wajah kepengarangannya sehingga bergelar seorang Sasterawan Negara.

## **KESIMPULAN**

Model Teksnaluri melihat hubungan dan kepentingan elemen komunikasi dalam penciptaan karya. Oleh sebab karya kreatif dihasilkan untuk menyampaikan mesej kepada pembaca, aspek ini tidak boleh diabaikan. Matlamat kepengarangan penyair adalah untuk menyampaikan mesejnya demi mendidik, mengubah pemikiran dan sikap serta sebagai agen perubahan dan memajukan

ketamadunan bangsa. Kajian ini penting dalam membantu mengukuhkan lagi pendekatan kajian kesusasteraan yang sedia ada. Sebuah teks yang tercipta oleh rasa naluri dari sifat ingin menyampaikan mesej seorang pengarang kepada khalayak membaca akan lebih bersifat komunikatif.

Pendekatan atau konsep Teks naluri ini bersifat menambah kepada konsep-konsep proses penciptaan sedia wujud di negara ini. Ia juga akan membantu kalangan pengkaji, khalayak dan guru-guru sastera membuat klasifikasi dalam kajian teks mereka selain mengkaji aspek struktural tetapi lebih jauh menjengah aspek tema/persoalan yang terkandung dalam teks yang dipelajari.

Puisi yang bersifat komunikatif dan menyentuh naluri pembaca memberi kesan jangka panjang kepada psikologi pembaca. Falsafah dan keindahan yang mendasari sesebuah karya bukan sahaja terhasil daripada pemikiran, tetapi unsur kejiwaan pengarangnya hingga menumbuhkan karya yang bersifat kejiwaan yang boleh membina sahsiah baharu yang positif dalam kalangan pembaca dan khalayak. Hal ini dianggap penting kerana matlamat kepengarangan adalah menyampaikan mesej dan keinginan pengarang berkomunikasi dengan pembaca supaya pembaca mendapat manfaat daripada teks yang mereka baca.

Karya yang menyentuh hati nurani dan membina pemikiran tinggi melalui falsafah yang wujud dalam karya tetapi dipersembahkan dengan gaya bahasa yang kebersahajaan dan indah, pastinya karya itu menjanjikan taraf magnum opus dan keseronokan dengan pengarangnya. Muhammad Haji Salleh sudah sampai ke puncak keunggulan dan magnum opus menerusi puisinya 'Perjalanan Si Tenggang'. Puisi yang diingati dan dibaca berulang-ulang oleh peminatnya ini memiliki kekuatan intrinsik (batiniah) sebagai suara hati dengan nilai keintelektualan yang meresap secara perlahan-lahan, lembut dan beradab. Umar Junus (2010:33) menganggap Muhammad Haji Salleh masih tersisa keterikatan pada budaya asal dan tidak mahu kehilangan kemelayuannya. Puisi 'Perjalanan Si Tenggang' memperlihatkan bahawa Muhammad Haji Salleh tertarik kepada perjalanan Si Tenggang dan bukannya Si Tenggang.

Muhammad Haji Salleh melihat Si Tenggang dalam konteks keberanian membina keunggulan dengan perjalanan (pengembaraan) mencari ilmu di luar negara. Muhammad Haji Salleh ingin membuktikan anak dari bumi yang pernah dihuni kolonialis mampu membicarakan dan berhujah antara sastera Barat dan Melayu. Muhammad Haji Salleh adalah personaliti penyair yang tidak melupai akar tradisi Melayu meskipun bermula dengan tradisi sastera Inggeris. Dia pulang untuk memenuhi tuntutan kesusasteraan Melayu sewaktu berada di persimpangan sekitar tahun 1970-an untuk khalayak menilai semula medium sastera ASAS 50.

Pengarang dilahirkan untuk memimpin masyarakat atau khalayak (pembaca) dan penzahiran karya yang menyentuh naluri pembaca sentiasa dinanti-nantikan oleh masyarakat, pembaca, pengkaji, sarjana serta panel yang menilai karya untuk teks-teks sekolah, hadiah serta penganugerahan.

Kita mampu melahirkan bangsa yang berfikiran besar, menghargai ketamadunan serta mencintai akar dan jati diri hanya dengan memberi ruang dan peluang untuk masyarakat membaca karya yang hebat dari segi pemikiran, falsafah, keindahan, kelembutan, ketaakulan, serta boleh membina sahsiah rakyat harus melandasi matlamat kepengarangan seseorang pengarang. Dalam hal ini, Muhammad Haji Salleh memiliki ciri-ciri seumpamanya dan berjaya mencipta kehebatan seperti yang dibicarakan sarjana dalam dan luar negara. Muhammad Haji Salleh adalah seniman pemikir dan menguasai perasaan intelektual sebagai landasan perjalanan kreatifnya yang panjang. Timbunan ilmu yang dibinanya, rimba pengalaman yang diterokanya dan kekentalan prinsip yang dipegangnya adalah proses penciptaan keunggulan seorang pengarang yang harus dilalui dan diteladani pengarang-pengarang generasi baharu.

Walaupun kebanyakan puisi yang dihasilkan Muhammad Haji Salleh memiliki jurang komunikasi yang dalam untuk khalayak masyarakat yang tidak berpendidikan, namun masih terdapat unsur komunikatif yang mendasari puisinya kerana kebanyakannya berlandaskan Naluri Kealaman, Kemasyarakatan dan

Keintelektualan. Seorang pengarang sepertinya akan terus berkomunikasi dengan apa yang ditemuinya sama ada secara lisan atau tulisan (teks) agar mesej sampai kepada khalayak.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Ali (2007). *Di Sekitar Puisi Melayu Moden*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Hadi W.M (2000). *Islam: Cakerawala Estetik dan Budaya*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Adair, John, (1990). *The Art of Creative Thinking*. Guildford: The Talbot Adair Press
- Ahmad Khamal Abdullah; editor, Haji Shapiai Muhammad Ramly (penyelenggara). *Menyirat inspirasi; dianjurkan oleh Universiti Putra Malaysia, Johor: Yayasan Warisan Johor, Citra Holdings, 2011 sempena Seminar Kesusasteraan Sasterawan Negara Dato' Dr. Usman Awang (2008: Johor Baharu, Johor)*.
- Ahmad Kamal Abdullah (1990). *Gagasan Esei-esei Puisi Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Agus R Sarjono (1993). *Saini KM: Puisi dan beberapa masalahnya*. Bandung: Penerbit ITB
- Ahmad Kamal Abdullah (1988). *Proses Kreatif Pengarang Melayu Jambak 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainon Mohd. & Abdullah Hassan (1996). *Seni Berfikir Kreatif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ainon Abu Bakar (editor) (1993). *Telaah Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Ghazali.(terj.) (1980). *Ihya Ulumiddin/ Menghidupkan Kembali Ilmu-ilmu Agama*. Indonesia: Penerbit Asli.
- Ani Hj Omar (2011). *Apresiasi Teori Kesusasteraan Melayu: Puisi-puisi Muhammad Haji Salleh- Aplikasi Terhadap Teori SPB4K*. Tanjong Malim: Emeritus Publications.
- Anton Bakker & Achmad Charris Zubair (1990). *Metodologi Penelitian Filsafat*. Yogyakarta: Pustaka Filsafat.

- A.Rahim Abdullah (2007). *Citra Manusia dalam puisi penyair Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atar Semi, M. (1993). *Anatomi Sastra*. Bandung: Angkasa Raya.
- Awang Azman Awang Pawi (2003). *Licentia Poetica Puisi Mutakhir Malaysia*. Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.
- Azizi Yahaya et.al (2004). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Pendidikan.
- Baha Zain (2002). *Esei & Puisi Baha Zain Tentang Penulis dan Persekitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bolton, Gillie (2000). *The Therapeutic Potential of Creative Writing*. London and Philadelphia; Jessica Kingsley Publishers.
- K. Berlo, David, (1960). *The Process of Communication*, San Rancisco: Rinehart Press.
- Damasio, Antonio (2003). *Looking for Spinoza: Joy, Sorrow and the Feeling Brain*. Florida: Harcourt, Inc.
- Encyclopedia Indonesia* (1971). Jakarta: Ikhtiar Baharu, Van Hoeve.
- Darmanto Jatman (1985). *Sastra, Psikologi dan Masyarakat*. Alumni: Bandung.
- Dharmawijaya (1998). *Dunia Puisi Dalam Penelitian dan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Gardner, Howard, (2006). *Multiple Inttelligence*. Basic Books: New York.
- Ghiselin, Brewster, (1983). (terj. Wasid Soewarto). *Proses Kreatif*. Jakarta: Penerbit Gunung Jati. Goleman,
- Daniel, (1995). *Emotional Intelligence*. NewYork: Bantams Book.
- Goodman, Richard (2009).*The Soul of Creative Writing*. New Brunswick and London: Transaction Publishers.
- Halilah Haji Khalid (2006). *Mutiara Kata Sasterawan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1984). *Kesusasteraan Melayu Dalam Kritikan dan Sejarah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Hashim Awang (1987). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

- Ismail Hussein (penyel.) (1986). *Sastera dan Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan* Edisi Keempat (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaufman, Scott Barry & Kafman, James C. (2009). *The Psychology of Creative Writing*. United States of America: Cambridge University Press.
- Kemala (2004) *Unsur-unsur Islam Dalam Puisi Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koentjaraningrat (1986). *Pengantar Ilmu Antropologi*. Jakarta: Angkasa Baharu.
- Koestler, Arthur (1976). *The Act of Creation*. London: Hutchinson & Co. Publishers Limited.
- Lim Swee Tin (2009) *Berkelana di Belantara Kata: Perjalanan Kreatif Seorang Penyair*. Kuala Lumpur: Citra Kurnia Enterprise.
- Lufti Abas (1995). *Kritikan karya sastera: keindahan ragam-ragam bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana (1996). *Proses Penulisan kreatif*. Singapura: EDN Media.
- Mana Sikana (1998). *Teori dan Kritikan Sastera Pascamoden*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mana Sikana (2004) *Sastera Melayu Pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana (2009). *Teori Sastera Kontemporari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana (2005). *Sastera Junjungan*. Kuala Lumpur: penerbit Pustaka Karya.
- Maritain, Jacques (1977). *Creative Intuition In Art and Poetry*. Ner Jersey: Princeton University Press.
- Misran Rokimin (2006). "Petikan Dalam Novel Sebagai Bahan Pengajaran Kesusasteraan di Sekolah" dlm. *Isu-isu Pendidikan Bahasa Sastera dan Psikologi di Malaysia*. (suntingan Norizan Abdul Razak, Rozainee Khairudin ,Ravichandran Vengadasamy), Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd. Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rosli Saludin (2009). *Teromba Dalam Puisi Melayu Tradisional*. Selangor: Karisma Publication Sdn.Bhd.
- Mohamad Daud Mohamad (2006). *Rangkaian Pemikiran Dalam Karya Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2006). `Rangkaian Pemikiran dalam Karya Sastera: Menyeberangi Sejarah-Dari Pemikiran hingga Keresahan Muhammad Haji Salleh` dalam *Mendialog Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Mokhtar Hassan (1990). *Proses Penciptaan Puisi A.Wahab Ali, Dharmawijaya dan Kemala*. Jabatan Pengajian Melayu, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohamad Shatar Sabran (2005). *7 Rahsia Kecemerlangan Akademik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid (2004). *Kreativiti Konsep Teori & Praktis*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Morley, David (2007). *The Cambridge Introduction to Creative Writing*. New York: Cambridge University Press.
- Muhammad Asad (2003). "Is Religion Relevant Today?" dalam Riza Mohamad dan Dilwar Hussain (ed.). *Islam the Way of Revival*. Kuala Lumpur: IIIT.
- Muhammad Haji Salleh (1988). *Kalau, atau dan maka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (1992). *Puitika Sastera Melayu: Suatu Pertimbangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Haji Salleh (1993). *Watak Tenggara*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn Bhd.
- Muhammad Haji Salleh (1996). *Sebuah Unggun di Tepi Danau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (2004). (iringan visual Zakaria Ali). *Salju Shibuya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (2005). *Aksara Usia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Haji Salleh (2006). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (2007). *Maka Bermadahlah Masa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (2008). *The Poetics of Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (2010). *Pulang Si Tenggang: Satu Perjalanan Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (2012). *Sehelai Surat Saujana*. Petaling Jaya: Gerak budaya Enterprise.
- Muhammad Haji Salleh (2014). *Jatuh ke Laut Menjadi Pulau* (Jilid 1,2,3). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Muhammad Ghallab (terj. H.B Ali) (1966). *Inilah Hakikat Islam*. Kuala Lumpur: Thinkers Library Sdn. Bhd
- Muhamad Wahyuni Nafis (2007). *Yakin Diri 9 Jalan Cerdas Emosi dan Cerdas Spiritual*: Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Nik Azis Nik Pa (1999). *Potensi Intelek*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Lebar (2009). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Lebar(2014). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan sultan Idris.
- Othman Puteh (peny.) (1991). *Proses Penciptaan Menulis Untuk Remaja*. Selenggaraan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.